

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HIA 101 Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam TIGA (3) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan. SOALAN NO. 1 WAJIB dijawab dan SATU (1) soalan lain daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

Sebelum menjawab fahami lebih dahulu soalnya.

Tulisan hendaklah jelas dan rapi.

Jawapan-jawapan daripada setiap Bahagian hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang berasingan.

Kesemua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA (2) soalan, SOALAN NO.1 adalah WAJIB

1. Terangkan dan huraikan takrif Islam menurut petunjuk-petunjuk al-Qur'an. Hubungkan dengan ayat-ayat berikut, (Anda dikehendaki menyempurnakan ayat-ayat tersebut di dalam ingatan anda):
 - (a) Tatkala Tuhannya berkata kepadanya: Islamlah engkau... (Q.2:131).
 - (b) Bukanlah Ibrahim itu Yahudi dan tidak juga Nasrani... (Q.3:67).
 - (c) ...Bukankah Aku ini Tuhan kamu?... (Q.7:172).
 - (d) Sesungguhnya agama itu pada sisi Allah ialah al-Islam... (Q.3:19).
 - (e) ...pada hari ini telah Ku sempurnakan bagi kamu agama kamu ... (Q.5:3).

- (f) ...dan angan-angan memperdayakan kamu... (Q.57:14).
- (g) ...berkata dia (Ibrahim): Wahai anakku, sesungguhnya aku melihat di dalam mimpiku sesungguhnya aku menyembelih engkau... (Q.37:100-108).
2. Salah satu yang wajib dipercayai oleh orang Muslim ialah adanya Rasul-rasul (Utusan) Allah. Huraikan berkenaan dengan Rasul Allah yang di dalamnya meliputi:
- (a) Takrif;
 - (b) Rasul-rasul Allah yang dikisahkan di dalam al-Qur'an;
 - (c) Rasul-rasul Allah di luar al-Qur'an dan pandangan Islam terhadap pengasas-pengasas agama yang namanya tidak disebut di dalam al-Qur'an;
 - (d) Persamaan dan perbezaan di dalam ajaran Rasul-rasul Allah dan mengapa demikian.
 - (e) Rasul Allah yang terakhir dan lingkupan ajarannya.
3. "Sesungguhnya Kami telah turunkan zikir (al-Qur'an) dan sesungguhnya Kamilah pemeliharanya" (Q.15:9).
- Ayat ini antara lain memuat janji Allah untuk memelihara al-Qur'an pada sepanjang masa. Huraikan bagaimana al-Qur'an itu dipelihara pada sepanjang sejarah umat Islam, sejak Nabi Muhammad s.a.w. hinggalah masa kini.

BAHAGIAN B - Jawab DUA (2) soalan

4. (a) Al-Qur'an mengandungi segala perintah dan larangan yang wajib dipatuhi. Ia juga mengajarkan konsep ibadah yang amat luas, meliputi segala aktiviti sosial, kebajikan umat dan membina persaudaraan yang tinggi. Bincangkan.
- (b) Iman, Islam dan Ihsan merupakan unsur-unsur bersepadu di dalam syariat Islam yang membina sahsiah seseorang Muslim. Bincangkan.
5. Islam mendukung konsep Ibadah yang amat luas, salah faham masyarakat terhadap konsep ini membawa kepada kepincangan hidup yang berterusan. Bagaimanapun salah faham ini dapat diatasi dengan beberapa kaidah yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Jelaskan secara kritis kaedah-kaedah tersebut.

6. Aurat lelaki dan wanita Islam telah digariskan secara jelas oleh al-Qur'an. Para Ulama muktabar seperti al-Shafi'i, Malik, Abu Hanifah dan Ahmad ibn Hanbal telah menghuraikan persoalan ini dengan ditil. Bincangkan status AURAT wanita dan lelaki Islam menurut pendapat al-Shafi'iyyah dan Malikiyyah sahaja. Kedua-dua pendapat tersebut hendaklah bertolak daripada firman Allah s.w.t. di dalam surah Anur ayat 30 dan 31.

-oooOOOooo-